

MUKADDINAH

Bismillahirrahmanirrahim.

Kertas projek ini adalah sebagai nemenuhi kehendak Fakulti Undang-Undang, Universiti Malaya, yang nowajibkan suatu penulisan ilmiah bagi setiap mahasiswa undang-undang ditahun akhir.

Adalah diharapkan kajian yang serba kekurangan ini dapat merintis jalan terhadap penyelidikan yang lebih lengkap dan mendalam.

Untuk pengetahuan bersama, eloklah disebutkan disini bahawa pentadbiran harta wakaf di Kedah tertakluk kepada Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam, Kedah 1962. Di antara lain, Enakmen ini memperuntukkan bahawa Majlis Ugama Islam, Kedah, adalah menjadi pemegang ananah tunggal bagi semua harta wakaf di Kedah. Peruntukan ini membebankan tugas mentadbir harta-harta ini keatas bahu Majlis dan sudah tentu berbagai masalah dihadapi didalam melaksanakannya. Penulis mempunyai pendapat dan berkeyakinan bahawa tugas ini dapat memperbaiki keadaan ekonomi orang-orang Islam jika ianya dijalankan dengan teratur dan cekap. Berdasarkan pendapat diatas, penulis memilih tajuk ini dengan harapan bahawa sedikit manfaat dapat diperolehi dari perbincangan nongenainya. Juga pemilihan tajuk ini didorongkan oleh suatu hadis riwayat Muslim dan Tirmizi yang berbunyi,

" Apabila mati seseorang anak Adam, terputuslah amal ibadatnya, kecuali tiga perkara,
 a) Sedekah jariah (dinaksudkan ibadat wakaf),
 b) ilmu pengetahuan yang berguna yang digunakan, atau
 c) anak yang salih yang selalu berdoa baginya."

Kajian ini mempunyai tujuan menyelami aspek pentadbiran wakaf di negeri Kedah pada peringkat pelaksanaan sebenarnya. Penulis tidak bertujuan mengkaji aspek undang-undang wakaf seperti yang terdapat didalam kitab-kitab Fiqh; justeru itu bahagian undang-undang 'substantive' dibincangkan dengan begitu ringkas sekali.

Penulis telah membuat 'survey' yang agak meluas dan mendalam mengenai wakaf-wakaf yang telah ujud, dan tingkat kemajuan yang telah dicapai. Penerokaan ini didapati didalam Bab Kedua.

Oleh kerana difikirkan bahawa sistem pentadbiran yang efisyen penting bagi memajukan institusi wakaf selaras dengan kehendak keadaan, maka penekanan dan penelitian ditumpukan juga kepada bab ini. Pada bahagian akhirnya, beberapa pengesuran telah disarankan.

Dari kajian yang dibuat, penulis mendapati Jabatan Hal Ehwal Ugama Islam, Kedah mengalami suatu masaalah yang rumit dari segi pentadbiran Ugama Islam amnya dan pentadbiran wakaf khasnya, iaitu masaalah kekurangan kakitangan dan

'expertise', 'productivity' dan 'kurense' atau sifat-sifat dari kekurangan kalcitang ini yang membuktikan ia bukan wakaf walaupun dinajukan. Pentadbiran wakaf memerlukan bantuan yang banyak. Malahan wakaf merupakan suatu sumur kewangan yang penting bagi Jabatan ini. Modal yang banyak tanpa sebarang cepakaran pengusaha tidak dapat menghasilkan pendapatan yang diingini. Justeru itu keadaan sangat meminta supaya seorang ahli ekonomi ditempatkan di Jabatan ini bagi mengetuai bahagian wakaf. Adalah diherapkan bahawa Kerajaan Negeri memberikan perhatian yang sewajarnya terhadap perkara ini.

Borbogai kaedah kajian digunakan untuk menyiapkan kertas projek ini. Kebenaran menggunakan fail-fail, dokumen-dokumen dan buku-buku akaun Majlis mencolong penulis mendapat gambaran yang jelas mengenai pentadbiran harian Jabatan ini. Rekod-rekod yang diteliti termasuk antara lain, catitan-catitan keputusan mesyuarat Majlis dan Jawatankuasa Fatwa, buku-buku akaun wakaf khas dan an, dokumen-dokumen wakaf dan fail-fail permohonan untuk meujudkan wakaf. Sebagai tambahan beberapa perbincangan dan temuramah diadakan dengan pegawai-pegawai Jabatan Ugama dan Tanah, Kadhi Besar dan Kadhi-Kadhi daerah, imam-imam mesjid, ahli-ahli Jawatankuasa Fatwa dan Kariah, dan orang-orang persaorangan yang mempunyai hubungan rapat dengan Jabatan Ugama serta berpengetahuan mengenai tajuk ini.

Selain dari ini penulis juga membuat penyelidikan diperpustakaan untuk mendapat bahan-bahan rojukan dan perbandingan. Disini penulis mengalami kesulitan kerana banyak bahan-bahan rojukan merupakan kitab-kitab Arab. Oleh itu beberapa orang yang fasih dalam bahasa ini terpaksa penulis dampingi untuk menterjemahkan teks-teks tersebut.

Fakulti Undang-Undang,
Universiti Malaya.

Ahmad Farid Haji Zakaria

Ramadhan, 1396.
(September, 1976).